



10 Januari 2018
10 January 2018
P.U. (A) 4

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(PENENTUAN HARGA RUNCIT MAKSIMUM BAGI
PETROL DAN DIESEL) (NO. 2) 2018

*PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING
(DETERMINATION OF MAXIMUM RETAIL PRICE FOR
PETROL AND DIESEL) (NO. 2) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENENTUAN HARGA RUNCIT
MAKSIMUM BAGI PETROL DAN DIESEL) (NO. 2) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Pengawal, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) (No. 2) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2018.

Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel

2. Harga runcit maksimum bagi petrol dan diesel hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) 2018 [*P.U. (A) 2/2018*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 3 Januari 2018 dibatalkan.